

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Baru-baru ini, negara kita khususnya di Lembah Klang mengalami cuaca panas yang luar biasa. Pada siang hari, matahari memancar terik dan pada sebelah malam pula, cuaca panas diikuti dengan bahang yang merimaskan dan mengganggu tidur banyak orang. Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meramalkan fenomena cuaca panas yang melanda Malaysia ini akan berlanjutan sehingga September 2020. Fenomena ini berlaku ekoran daripada pemanasan global yang berlaku di seluruh dunia.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya pemanasan global. Satu daripadanya ialah aktiviti manusia, iaitu perkembangan dalam bidang perindustrian, perdagangan dan penggunaan mesin. Tanpa disedari, alam sekitar terpaksa menanggung kesan buruknya. Aktiviti pertanian dan penternakan tanpa kawalan turut menjadi punca kepada permasalahan ini. Tidak dinafikan juga faktor semula jadi iaitu letusan gunung berapi turut menjadi punca isu ini.

Jelaslah bahawa langkah yang proaktif perlu diambil bagi menangani isu ini. Sekiranya dibiarkan, dunia akan menerima kesan buruk akibat daripada pemanasan global yang tidak terkawal ini. Antaranya, kawasan tropika mungkin mengalami pertambahan suhu panas melampau berbanding sebelumnya. Menurut kajian juga, penduduk dunia akan terdedah kepada masalah kemarau yang buruk ekoran daripada cuaca panas yang berpanjangan ini.

Oleh itu, isu pemanasan global kini menjadi perhatian utama oleh semua pihak. Dalam hal ini, dunia hanya mampu diselamatkan sekiranya manusia sayang akan bumi. Amaran demi amaran yang dikeluarkan oleh penyelidik dan saintis di seluruh dunia seharusnya dibawa ke meja rundingan yang melibatkan semua pemimpin dunia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Dunia Semakin Tenat'
oleh Azimah Ismail,
Dewan Siswa, Oktober 2020